

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2003/2004

Februari/Mac 2004

HGM 236 – Geografi Ekonomi Dan Pembangunan

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan sahaja.

1. [a] Jelaskan lima tahap pembangunan ekonomi yang dilalui oleh sesebuah negara mengikut teori pertumbuhan linear yang dikemukakan oleh A. Rostow (1960).
[15 Markah]
- [b] Huraikan kelemahan-kelemahan utama teori ini berdasarkan pengalaman negara-negara tertentu di dunia.
[10 Markah]
2. [a] Apakah yang cuba dijelaskan oleh Kelok Lorenz (Lorenz Curve) dan Pekali Gini (Gini Coefficient)?
[10 Markah]
- [b] Berdasarkan bukti-bukti dari beberapa negara sedang membangun, sejauhmanakah pertumbuhan ekonomi dan peningkatan pendapatan per kapita dapat dikaitkan dengan agihan pendapatan yang seimbang?
[15 Markah]

...2/-

3. Bank Dunia (1993) melaporkan bahawa sebahagian besar negara Pasifik Asia dalam tahun 1980an dan awal 1990an sebagai "miracle economies of the world". Huraikan pernyataan berikut berdasarkan pengalaman sebuah negara yang anda ketahui. [25 Markah]
4. [a] Jelaskan peluang dan kebaikan kepada enterprais kecil dan sederhana (EKS) di negara sedang membangun hasil daripada perkembangan teknologi informasi dan komunikasi (ICT). [10 Markah]
- [b] Bincangkan beberapa faktor utama yang mempengaruhi penggunaan teknologi informasi dan komunikasi di kalangan EKS di negara sedang membangun. [15 Markah]
5. Pertumbuhan ekonomi yang tinggi dan lestari seringkali dikaitkan dengan transmigrasi buruh. Jelaskan beberapa implikasi utama ekonomi dan sosial terhadap negara penerima hasil daripada kedatangan buruh asing. [25 Markah]
6. [a] Huraikan tren anjakan perdagangan global sejak tahun 1970an. [10 Markah]
- [b] Mengapakah negara sedang membangun sering mengalami kerugian nilai eksport dalam konteks perdagangan mereka dengan negara maju? [15 Markah]
7. Bincangkan enam strategi utama syarikat multinasional (MNCs) dalam usaha mengekal atau mengembangkan produk di kalangan negara sedang membangun. [25 Markah]

- ooo 0 ooo -